PENANG

1 - 15 FEBRUARI, 2025

PERCUMA

PENANG 2030

BULETIN MUTIARA

www.buletinmutiara.com | buletinmutiara | ChowKonYeow | chowkonyeow | @ChowKonYeow

# Ahli Majlis perlu proaktif

# pastikan Visi Penang2030 tercapai

Oleh : **SUNARTI YUSOFF & ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI & LAW SUUN TING**

**SEBERANG JAYA -** Seramai 48 individu dilantik sebagai Ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) dan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) untuk tempoh mulai 1 Januari 2025 sehingga 31 Disember 2025.

Semua Ahli Majlis mengangkat sumpah penerimaan jawatan di hadapan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow pada 3 Januari lalu.

Bagi tahun 2025, MBSP telah menampilkan seramai enam muka baru iaitu Azman Rahim, Yeoh Kim Kim, Mohamad Aisamuddin Mohamad Kaman, Zulkifli Md. Yusop dan Lim Eng Nam daripada Parti Keadilan Rakyat (PKR) manakala Zulkiply Ishak daripada Parti Amanah Negara (Amanah).

MBPP pula menampilkan empat muka baru iaitu Lee Wei Siang dan T. Visvenathan daripada Parti Tindakan Demokratik (DAP) serta Nurhidayah Che Rose dan Shahul Hameed M.K. Mohamed Ishack (PKR).

Pelantikan Ahli Majlis bagi kedua-dua kerajaan tempatan (PBT) menyaksikan seramai 20 individu adalah daripada DAP, PKR (17), Amanah (6), UMNO (3) dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO, 2).

Semasa berucap, Kon Yeow mengingatkan semua Ahli Majlis agar sentiasa memberikan keutamaan kepada kepentingan penduduk dan seiring dengan aspirasi Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Beliau berkata, semua Ahli Majlis serta penjawat awam negeri juga perlu menjalankan tugas dengan lebih proaktif bagi memastikan Visi Penang2030 dapat dicapai.

"Tahun 2025 bermulanya separuh akhir penggal terakhir bagi saya sebagai Ketua Menteri Pulau Pinang sekali gus memasuki fasa ketiga pelaksanaan Visi Penang2030.

"Saya berharap semua Ahli Majlis serta penjawat awam dapat menjalankan tugas dengan lebih progresif dan proaktif bagi memastikan Visi Penang2030 dapat dicapai, terutamanya Inisiatif Strategik C4 iaitu Mempercepat Penyampaian Program dan Pembaharuan Institusi.

"Inisiatif Strategik C4 ini adalah selaras dengan pelaksanaan Reformasi Kerenah Birokrasi (RKB) yang ditekankan oleh YAB Perdana Menteri pada peringkat Persekutuan.

"Ia merupakan asas kepada pembaharuan institusi yang penting untuk menangani cabaran penjawat awam bagi menambah baik tadbir urus, merangsang pertumbuhan ekonomi dan memupuk kesaksamaan sosial, seterusnya mengukuhkan institusi Kerajaan bagi mewujudkan negara yang lebih makmur, adil serta berdaya tahan," katanya.

Beliau yang juga Exco Kewangan, Pembangunan Ekonomi & Tanah dan Komunikasi menyatakan bahawa kecekapan merupakan antara kualiti yang perlu digalas sebagai Ahli Majlis serta penjawat awam sepanjang perkhidmatan kepada rakyat dan negara.

*(Sambungan di muka 2).*



**KETUA Menteri bersama-sama H'ng Mooi Lye (depan, dua dari kanan) dan Ir. A. Rajendran (depan, dua dari kiri) bergambar kenang-kenangan dengan 24 Ahli Majlis MBPP yang dilantik bagi tahun 2025 sempena Majlis Angkat Sumpah Penerimaan Jawatan baru-baru ini.**



**KETUA Menteri bersama-sama barisan kepimpinan Kerajaan Negeri dan Baderul Amin Abdul Hamid (duduk, tiga dari kanan) bergambar dengan barisan Ahli Majlis MBSP bagi penggal 2025.**

*(Sambungan dari muka 1).*

# Kerjasama beri perkhidmatan terbaik

"Saya berharap semua Ahli Majlis yang dilantik sentiasa memudah cara serta mempercepatkan urusan mengikut tatacara yang betul dalam menjalankan tugas.

"Jangan sesekali menangguh atau melambat-lambatkan urusan kerana perbuatan tersebut akan mencerminkan kualiti Kerajaan Negeri termasuk PBT dalam melaksanakan amanah rakyat," ujarnya yang juga merupakan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota dan Ahli Parlimen Batu Kawan.

Kon Yeow turut menyatakan harapan bahawa kesemua 48 Ahli Majlis berkaitan dapat memainkan peranan masing-masing dalam meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan PBT supaya kekal mengikut keperluan sebenar rakyat setempat.

"Sebagai penghubung antara Kerajaan Negeri dan rakyat, saya berharap semua Ahli Majlis faham akan peranan masing-masing serta peka terhadap situasi dan keadaan semasa agar produktiviti dan juga sistem penyampaian perkhidmatan dapat dilaksanakan mengikut keperluan rakyat, seiring dengan matlamat ke arah memperkasakan Agenda Perbandaran," jelasnya.

Sementara itu, Exco Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, H'ng Mooi Lye yang turut berucap memberitahu bahawa beliau meletakkan harapan yang besar terhadap barisan Ahli Majlis yang dilantik bagi penggal 2025.

"Tahun 2025 dijangkakan lebih mencabar dengan pelbagai ketidaktentuan global dalam ekonomi dan teknologi serta isu perubahan iklim yang perlu ditangani dengan berkesan.

"Pada September lalu, kejadian ribut kencang telah berlaku dan banyak aduan berkaitan pokok tumbang diterima oleh pihak PBT.

"Kejadian seperti ini sudah pasti akan berulang lagi, dan saya memohon kerjasama semua Ahli Majlis agar dapat membantu pihak Majlis untuk membuat pemantauan di kawasan masing-masing.

"Langkah ini akan memastikan kerja-kerja penyelenggaraan pencegahan dan berjadual dapat dilaksanakan bagi mengelakkan risiko kejadian pokok tumbang berlaku.

"Justeru, saya berharap agar Ahli Majlis yang dilantik dapat bersama-sama menggembleng tenaga dan kepakaran dalam membantu pentadbiran Majlis memacu ke arah kejayaan," katanya yang juga ADUN Jawi.

Beliau turut berharap agar semua Ahli Majlis yang dilantik diminta untuk menghantar laporan tahunan kepada Datuk Bandar untuk rujukan lanjut pejabat Exco.

"Ahli Majlis perlu meneliti dan melihat isu, cadangan atau buah fikiran baharu yang bersifat *low cost, high impact, rapid execution* dan *value for money* selari dengan gagasan Malaysia Madani dan *Gender Responsive Budgetting*.

"Fokus utama dan KPI (petunjuk prestasi utama) Ahli Majlis perlu tertumpu kepada isu dan permasalahan masyarakat seiring dengan proses urbanisasi yang berlaku di Pulau Pinang," ulasnya.

## APA KATA MEREKA?

**SALAH** seorang dari empat muka baru Ahli Majlis Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), **T. VISVENATHAN** ketika ditemui menyifatkan lima perkara yang dinyatakan oleh pentadbiran Datuk Bandar MBPP, Datuk Ir. A. Rajendran bagi mengekalkan kelestarian bandar raya adalah wajar untuk direalisasikan secara bersama.

"Isu tidak cukup parkir awam, memang perlu hadkan tempoh masa parkir kenderaan selama dua jam maksimum sebab kadar parkir di negeri ini masih murah, dan tidak boleh lagi semua orang parkir sampai sembilan hingga 10 jam.

"Bagi saya, kelima-lima perkara yang disebutkan oleh Datuk Bandar MBPP adalah penting, jadi akan kita uruskan kelima-lima perkara ini dengan pasukan sedia ada serta akan cuba beri penyampaian perkhidmatan terbaik untuk rakyat Pulau Pinang," ujarnya.

Visvenathan berkata, bagi tempoh pelantikan selama setahun, beliau berazam mencari solusi berkaitan tiga perkara iaitu agenda pembangunan belia setempat; menangani kesesakan trafik pada waktu puncak dan meningkatkan daya huni serta tahap kemampanan bandar raya supaya kian selamat, bersih, hijau dan pintar.



**T. Visvenathan.**

Ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), **ZULKIFLI MD. YUSOP** pula memberitahu bahawa usaha untuk menangani isu peniaga tanpa lesen di sekitar kawasan Seberang Jaya menjadi keutamaan beliau dalam penggal 2025.

"Saya akan berkhidmat di Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Seberang Jaya, dan antara matlamat utama saya adalah untuk membantu peniaga tanpa lesen untuk mendapatkan lesen perniagaan masing-masing.

"Ini termasuk membantu mereka mendapatkan lokasi yang sesuai untuk menjalankan perniagaan secara sah tanpa risaukan sebarang tindakan penguatkuasaan.

"Pada masa sama, saya berhasrat untuk menganjurkan lebih banyak program terutamanya untuk golongan belia bagi membantu mereka memainkan peranan lebih aktif dalam komuniti," jelasnya.

**MOHAMAD AISAMUDDIN MOHAMAD** pula berkata bahawa sebagai muka baharu, beliau akan berusaha untuk mendapatkan bimbingan daripada Ahli Majlis yang lebih senior bagi memastikan tanggungjawab dapat dilaksanakan dengan sebaiknya.

"Saya akan mewakili KADUN Sungai Bakap, dan komitmen utama saya adalah untuk menangani isu lokal yang memberi kesan kepada penduduk, khususnya yang berkaitan dengan kemudahan dan infrastruktur," ujarnya ringkas.

Sementara itu, **AZMAN RAHIM** yang akan menyelia kawasan KADUN Telok Ayer Tawar berkongsi beberapa aduan yang perlu diselesaikan di kawasan berkaitan.



**AZMAN Rahim.**

"Pada hari pertama saya mengangkat sumpah jawatan, saya sudah menerima beberapa aduan daripada penduduk setempat terutamanya isu berkaitan peniaga haram dan banjir kilat di kawasan tertentu.

"Saya akan menangani perkara ini secara menyeluruh, termasuk menjalinkan kerjasama dengan agensi negeri dan Persekutuan untuk mencari penyelesaian yang lebih efektif," ujarnya.



**YEOH Kim Kim.**

Bagi **YEOH KIM KIM**, tumpuan beliau kini adalah untuk berkhidmat kepada masyarakat dengan menangani isu-isu yang membelenggu penduduk setempat selain menggalakkan kesedaran mengenai penjagaan alam sekitar.

"Saya komited membantu penduduk menyelesaikan isu setempat sambil meningkatkan usaha untuk mengindahkan lagi kawasan tumpuan komuniti setempat.

"Selain itu, saya juga berhasrat untuk meningkatkan kesedaran tentang kebersihan alam sekitar dan menggalakkan amalan kitar semula dalam kalangan masyarakat," kongsinya.



**ZULKIFLI Md. Yusop.**



**MOHAMAD Aisamuddin Mohamad.**

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB & SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **ALISSALA THIAN & MUHAMAD AMIR IRSYAD OMAR**

**BARU-baru** ini, Kerajaan Negeri menyampaikan sijil penghargaan Anugerah Pelajar Cemerlang Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan wang saguhati masing-masing sebanyak RM500 kepada 251 penerima.

Seramai lima pelajar lain turut menerima sijil penghargaan dan plak Anugerah Pelajar Terbaik (Pelajar Khas) Cemerlang serta wang saguhati sebanyak RM500 setiap seorang.

Serentak pada majlis sama, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Dr. Mohamad Abdul Hamid turut menyerahkan sijil penghargaan Anugerah Pelajar Cemerlang Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) 2023 kepada 79 penerima atas kejayaan memperoleh keputusan Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) 4.0.



KETUA Menteri meraikan barisan pelajar terbaik bagi Kategori Pelajar Istimewa (Khas) dalam majlis yang diadakan baru-baru ini.

# Pelajar cemerlang dirai

Malah, seramai 15 pelajar menerima sijil penghargaan dan plak Anugerah Pelajar Terbaik serta wang saguhati sebanyak RM1,000 (setiap seorang), manakala lima pelajar menerima sijil penghargaan dan plak Anugerah Pelajar Terbaik Pelajar Istimewa (Khas) serta wang saguhati masing-masing sebanyak RM 1,000.

Pelajar orang kurang upaya (OKU) penglihatan antara dinobatkan sebagai pelajar cemerlang dalam peperiksaan STPM 2023.

**SITI NUR AISHAH ABDUL RANI**, 20, pelajar dari Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Penanti merupakan penerima Anugerah Pelajar Terbaik Pelajar Istimewa (Khas) dengan memperoleh PNGK 3.84 dalam peperiksaan berkaitan.

Siti Nur Aishah menjadi mangsa letupan mercun bola sehingga menyebabkan mata kirinya mengalami buta kekal ketika berumur lima tahun.

Menurut beliau, walaupun menerima gelaran OKU selepas detik hitam tersebut, namun keadaan itu tidak menghalang dirinya untuk menempa kejayaan dalam bidang akademik.

"Keadaan ini menyebabkan mata saya agak sensitif dan saya tidak boleh membaca terlalu lama kerana akan terasa silau, pening kepala dan penglihatan menjadi kabur.

"Apapun bagi saya, ini semua aturan yang telah ditetapkan oleh Allah SWT untuk saya, dan saya bersyukur dalam keadaan sedemikian (saya) masih dapat meraih kecemerlangan dalam peperiksaan STPM tahun lalu,"



SITI Nur Aishah Abdul Rani.

katanya ketika ditemui Buletin Mutiara pada majlis jamuan khas bersama-sama Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow baru-baru ini.

Siti Nur Aishah yang kini sedang melanjutkan pengajian pada peringkat Ijazah Sarjana Muda Sastera Ilmu Kemanusiaan di Universiti Sains Malaysia (USM) menambah, ibunya, Siti Kholijah Othman, 47, adalah ibu tunggal sejak pemergian bapanya pada 2012, dan menyara keluarga dengan berniaga pisang goreng.

Tambahnya, selain berdepan masalah penglihatan, beliau juga menghidap penyakit tulang belakang bengkok *(skoliosis)* sejak kira-kira lima tahun lalu selain pernah mengalami *slip disc* dipercayai akibat terjatuh.

"Akibat penyakit *skoliosis* ini, saya kerap mengalami sakit belakang tetapi saya tekad sambung belajar kalau boleh sampai peringkat tertinggi (sarjana) untuk mendapat pekerjaan baik dan membantu keluarga," katanya yang cita-cita hendak menjadi seorang pendidik.



MUHAMAD Ziyad Rafiuddin Mohd. Zailani.

Seorang lagi pelajar, **MUHAMAD ZIYAD RAFIUDDIN MOHD. ZAILANI**, 18, pula terpilih sebagai penerima Anugerah Pelajar Terbaik Pelajar Istimewa (Khas) bagi peperiksaan SPM.

Walaupun lahir tanpa tangan, itu tidak menjadi penghalang kepada Muhamad Ziyad Rafiuddin mencipta kejayaan dalam peperiksaan SPM tahun lepas dengan memperoleh keputusan 6A dan 3B+.

Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (L) Al-Mashoor itu sebaliknya menjadikan kekurangan yang ada pada dirinya sebagai pendorong untuk mencapai kejayaan dalam bidang akademik.

"Semasa peperiksaan percubaan SPM saya gagal dalam dua mata pelajaran (Matematik dan Perakaunan), tetapi apabila melihat kejayaan rakan-rakan lain, ia telah membuatkan saya lebih bermotivasi untuk mencapai kejayaan.

"Oleh itu, saya luangkan lebih banyak masa untuk mengulang kaji pelajaran yang mana kadangkala sehingga jam 3 pagi sebelum tidur untuk beberapa jam dan bangun semula pada jam 5 pagi untuk ke sekolah.

"Jadi, daripada gagal, saya kemudian bangkit dan memperoleh A bagi subjek Matematik dan B+ untuk Perakauan," katanya yang merupakan anak jati Sungai Pinang.

Menyentuh mengenai anugerah yang diterima, Muhamad Ziyad Rafiuddin menyatakan bahawa beliau amat terhutang budi dengan pihak sekolah, guru, rakan dan keluarga terutama ibu bapanya yang sentiasa membantu serta memberikan dorongan.

Anak sulung daripada dua beradik itu memaklumkan bahawa beliau kini sedang menyambung pelajaran dalam bidang Al-Quran dan Sunnah di Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (UNIPSAS).

"Saya bercita-cita hendak menyambung pengajian ke Mesir dalam bidang sama dan mahu menyumbang tenaga dengan agensi berkaitan Islam dan dakwah memandangkan saya boleh bertutur dalam bahasa Arab," ujarnya menutup bicara.

# Cadangan pembesaran **Hospital Kepala Batas** sebagai keutamaan



HOSPITAL Kepala Batas kini.

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**

**GEORGE TOWN** – Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan memberikan keutamaan kepada cadangan memperbesarkan Hospital Kepala Batas bagi memenuhi keperluan penduduk khususnya di Parlimen Kepala Batas.

Exco Belia, Sukan dan Kesihatan, Daniel Gooi Zi Sen berkata bahawa Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP) telah menghantar pelan cadangan berkaitan perkara tersebut untuk pertimbangan lanjut oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

“Permohonan cadangan projek pembinaan blok bertingkat Hospital Kepala Batas akan dikemukakan untuk pertimbangan KKM di bawah permohonan *Rolling Plan 1*, Rancangan Malaysia Ke-13 (RMKe-13).

“Pada masa ini, projek tersebut adalah keutamaan bagi JKNPP memandangkan keadaan Hospital Kepala Batas yang mula dibina sejak tahun 1891 dan berusia 131 tahun tersebut telah usang,” katanya dalam Mesyuarat Kedua Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang ke-15 baru-baru ini.

Zi Sen yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri Padang Lalang menyatakan bahawa skop projek bagi pembesaran Hospital Kepala Batas turut meliputi kerja-kerja menyiring dan perobohan blok asrama kejururawatan .

“Selain itu, ia turut membabitkan kerja-kerja awalan merangkumi penyelidikan tanah, pemetaan utiliti dan penyediaan tapak.

“Kerja-kerja pembinaan yang merangkumi kerja-kerja sivil, kerja pembinaan bangunan serta infrastruktur, kerja-kerja mekanikal dan elektrikal serta pembelian peralatan perubatan dan bukan perubatan turut akan dijalankan,” katanya.


DANIEL Gooi Zi Sen.

## APA KATA MEREKA?

Dalam pada itu, Buletin Mutiara berkesempatan menjalankan tinjauan di lapangan bagi mendapatkan pandangan penduduk terutamanya di kawasan Seberang Perai Utara (SPU) berhubung cadangan pembesaran Hospital Kepala Batas.


AMYLEA Erina Samsuri.

**AMYLEA ERINA SAMSURI**, 27, ketika ditemui memberitahu bahawa projek pembesaran Hospital Kepala Batas turut akan meningkatkan kualiti perkhidmatan.

“Sudah pasti kami menyambut baik usaha menaik taraf hospital kerana projek tersebut dapat meningkatkan lagi kualiti rawatan dan perkhidmatan kesihatan kepada pesakit.

“Dengan ini, pesakit tidak perlu lagi dirujuk ke hospital yang lebih besar seperti Hospital Pulau Pinang dan Hospital Seberang Jaya untuk rawatan tertentu yang mana akan menyukarkan lagi keadaan mereka,” ujarnya.

Selepas siap dinaik taraf kelak, Amylea berharap agar Hospital Kepala Batas turut dapat menyediakan perkhidmatan khusus seperti pusat rawatan kanser, pusat kardiologi, atau unit pediatrik.

“Ramai penduduk berharap agar projek ini turut melibatkan penambahan ruang parkir yang mencukupi serta laluan mudah bagi pesakit dan pelawat,” cadangnya.

Sementara itu, **P. MOGAN**, 55, berpandangan bahawa projek pembesaran tersebut pastinya akan meningkatkan lagi kemudahan yang ada di Hospital Kepala Batas.

“Penambahan fasiliti seperti bilik kecemasan, unit rawatan rapi (ICU) dan wad baru akan memudahkan pesakit untuk mendapatkan rawatan lebih dekat dengan tempat tinggal mereka.


P. Mogan.

“Tidak semua pesakit mampu menerima rawatan yang jauh dari kediaman mereka terutamanya dari segi kos dan pengangkutan,” katanya.


SITI Asroha Mat Lazim.

**SITI ASROHA MAT LAZIM**, 50, pula menyatakan bahawa pembesaran Hospital Kepala Batas turut memberi kesan berantai kepada perkhidmatan di hospital-hospital lain di negeri ini yang kian sesak saban hari.

“Projek ini dapat mengurangkan kesesakan di hospital-hospital lain di sekitar Pulau Pinang, seperti Hospital Seberang Jaya dan Hospital Pulau Pinang kerana pesakit tidak lagi perlu tertumpu di hospital berkenaan untuk tujuan rawatan.

“Ini turut membantu memendekkan waktu menunggu bagi pesakit yang hendak menerima rawatan yang mana pada masa ini mengambil masa kira-kira tiga hingga empat jam bagi setiap pesakit,” ujarnya.


ZAKARIA Ramli.

Bagi **ZAKARIA RAMLI**, 60, pembesaran Hospital Kepala Batas bukan sahaja memberikan manfaat secara langsung kepada pesakit, malah projek tersebut juga dapat menyokong pembangunan kawasan setempat.

“Projek menaik taraf hospital di kawasan Kepala Batas membantu merangsang pembangunan ekonomi setempat melalui peluang pekerjaan dalam sektor perubatan, pembinaan dan perkhidmatan sokongan.

“Namun, harapan kami adalah projek ini perlu seiring dengan peningkatan perkhidmatan terutamanya dari segi jumlah doktor pakar, jururawat, atau staf mestilah mencukupi untuk mengendalikan fasiliti baru tersebut.

“Justeru, adalah lebih baik sekiranya pihak berkuasa melibatkan komuniti setempat untuk memberi input bagi memastikan projek ini memenuhi keperluan penduduk mereka sekali gus memberikan manfaat yang menyeluruh,” ulasnya.

# Segerakan projek 'tambahan' Hospital Bukit Mertajam




DI sepanjang Jalan Kulim dekat pintu masuk Hospital Bukit Mertajam dijadikan 'tempat letak kereta sementara' disebabkan isu parkir terhad di hospital awam berkenaan.

**HOSPITAL** Bukit Mertajam yang berusia kira-kira 130 tahun dalam proses penaiktarafan, dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bercadang memohon pengambilan sebidang tanah milik Perbadanan Ketua Menteri (CMI) berhampiran hospital tersebut untuk tujuan penambahan infrastruktur perkhidmatan kesihatan awam berkaitan.

Mengulas lanjut, Exco Belia, Sukan dan Kesihatan, **DANIEL GOOI ZI SEN** berkata bahawa Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP) dalam proses akhir penyediaan kertas kerja cadangan projek penaiktarafan hospital awam tersebut, untuk KKM membuat pertimbangan lanjut.

"Buat masa ini JKNPP sedang menyediakan kertas cadangan untuk KKM mohon pemberimilikan tanah milik Kerajaan Negeri, secara terus untuk tujuan pembangunan (tambahan Hospital Bukit Mertajam) itu.

"Cadangan pengambilan balik tanah tersebut adalah merujuk pada tanah milik CMI (yang mana) merupakan tapak lama rumah rehat," jelasnya kepada wartawan Buletin Mutiara, **ZAINULFAQAR YAACOB** dan jurugambar, **ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI** pada 28 November 2024 lepas.

Menurut Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Lalang itu lagi, pihaknya difahamkan projek penaiktarafan yang dicadangkan oleh JKNPP termasuk pembinaan sebuah blok baharu bangunan Hospital Bukit Mertajam adalah bagi menampung lambakan pesakit serta selari dengan peningkatan populasi penduduk sekitar daerah Seberang Perai Tengah (SPT).

Beliau akan memberi perhatian dalam semua aspek memandangkan projek penaiktarafan Hospital Bukit Mertajam itu 'sangat dekat' dengan Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Padang Lalang yang diwakilinya.

Penjelasan itu sekali gus menjawab kenyataan ADUN Berapit, Heng Lee Lee yang memberitahu bahawa Hospital Bukit Mertajam bak 'pecah dari jahitan' dengan purata lawatan di Jabatan Kecemasan Hospital Bukit Mertajam tiap-tiap hari adalah di antara 210 hingga 240 pesakit.

Lee Lee turut menjelaskan bahawa dengan tujuh katil sahaja di Unit Rawatan Rapi (ICU) menunjukkan keperluan menaik taraf hospital awam tersebut adalah 'kian menekan'.

Dalam reaksi lanjut, Zi Sen mengakui bahawa Hospital Bukit Mertajam yang dibina pada tahun 1891 itu adalah mengambil kira populasi penduduk pada waktu itu, dan kini tidak lagi mampu menampung jumlah populasi penduduk dan lambakan pesakit yang kian meningkat.

Menyedari isu lambakan pesakit serta populasi penduduk lokal terutama sekitar daerah SPT kian meningkat, Zi Sen menyatakan bahawa JKNPP telah mencadangkan penaiktarafan Hospital Bukit Mertajam dengan pembinaan blok bangunan bertingkat baharu, untuk dipertimbang dan dirangkumkan di bawah Rolling Plan Rancangan Malaysia Ke-13 (RMKe-13).

Pada Mesyuarat Kedua Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Ke-15 lepas, dikejutkan bahawa di negeri ini hanya mempunyai sebuah katil bagi setiap 1,000 orang, berbanding dua katil yang disyor dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12).

Dalam persidangan tersebut, ADUN Bukit Tengah, Gooi Hsiao-Leung memberitahu bahawa hanya terdapat enam hospital awam di Pulau Pinang untuk memenuhi keperluan kesihatan penduduk negeri kira-kira 1.78 juta.

Tambahnya, Pulau Pinang mempunyai bilangan katil hospital awam kedua terendah di negara ini iaitu hanya sedikit di hadapan Selangor.

Memetik data dari *Penang Institute*, Hsiao-Leung turut berkata bahawa nisbah doktor kepada penduduk di Pulau Pinang adalah seorang doktor untuk 684 orang, jauh di bawah sasaran nasional iaitu seorang doktor bagi setiap 400 orang.

Susulan isu lambakan pesakit yang kian 'menekan' di Hospital Bukit Mertajam tersebut, ia telah menggamit Buletin Mutiara membuat tinjauan lapangan.



MUHAMMAD Zahir Othman.

Seorang pelabur digital, **MUHAMMAD ZAHIR OTHMAN**, 47, menyatakan bahawa sejak sebelum Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU14) pada 5 Mei 2018, beliau mendengar idea untuk melaksanakan projek pembinaan bangunan tambahan bagi Hospital Bukit Mertajam tersebut, tetapi tertangguh semasa itu atas sebab faktor perbezaan parti politik yang mendominasi Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan semasa itu.

"Idea bina bangunan tambahan Hospital Bukit Mertajam sebelum PRU15 lagi diperkatakan, tetapi projek itu tidak khabarnya tertangguh.

"Projek sistem penyaman udara berpusat dewan bedah dan projek penaiktarafan pendawaian elektrik sahaja dilaksanakan di Hospital Bukit Mertajam (yang mana) projek itu merupakan salah satu daripada 12 projek kesihatan awam yang dilancarkan oleh Perdana Menteri Malaysia ke-6 untuk negeri Pulau Pinang.

"Klinik Kesihatan Bandar Perda yang secara rasmi dibuka pada 17 Oktober 2021 merupakan satu lagi daripada 12 projek kesihatan yang dilancarkan di bawah pentadbiran sama iaitu pada 12 April 2018.

"Pembukaan Jabatan Pesakit Luar di Klinik Kesihatan Bandar Perda tersebut telah membantu secara ketara kepada usaha merosotkan lambakan pesakit di Jabatan Pesakit Luar (dekat) Hospital Bukit Mertajam.

"Ini, pentingnya projek pembesaran hospital awam dilakukan tepat pada masanya, selari dengan peningkatan populasi penduduk.

"Justeru, apabila timbul balik cadangan untuk membina bangunan tambahan baharu Hospital Bukit Mertajam tersebut, saya harap tidak ditangguhkan lagi memandangkan Kerajaan Negeri (Pulau Pinang) dan Kerajaan Persekutuan adalah daripada parti pemerintah yang sama.

"Populasi penduduk kian bertambah, patut luas lantai hospital awam serta petugas kesihatan juga 'bertambah', baru membantu meningkatkan kualiti hidup rakyat," jelasnya sambil mengharapkan projek pembinaan bangunan tambahan baharu Hospital Bukit Mertajam disegerakan.

Usahawan wanita, **NORAINA SAFURA MOHAMED**, 48, memberitahu Buletin Mutiara bahawa projek pembinaan bangunan tambahan Hospital Bukit Mertajam tersebut akan membantu memendekkan tempoh menunggu atau janji temu para pesakit di hospital awam berkenaan.



NORAINA Safura Mohamed.

*(Sambungan di muka 6).*

(Sambungan dari muka 5).

# Baiki mutu perkhidmatan kesihatan awam

"Tidak perlu diperjelas lagi isu katil pesakit tidak cukup di Hospital Bukit Mertajam, doktor dan petugas kesihatan terpaksa tanggung beban kerja lebih, jumlah pesakit begitu ramai sampai memanjangkan tempoh menunggu mereka sebelum jumpa doktor (perubatan).

"Atas semangat Kerajaan Perpaduan yang terbentuk pada peringkat Persekutuan dan negeri (Pulau Pinang), infrastruktur berkaitan perkhidmatan kesihatan awam negara di Hospital Bukit Mertajam ini mesti disegerakan dan benar-benar dirasai oleh rakyat pelbagai kaum baik Melayu, Cina atau India di bawah sana," ujarnya sambil menyokong usaha penaiktarafan hospital awam tersebut.

Sementara itu, Ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), **DATO' MOHD. NOOR AHMAD** pula memberitahu bahawa pihaknya berharap cadangan pembinaan bangunan tambahan baharu Hospital Bukit Mertajam itu mesti mengambil kira soal trafik dan parkir yang menjadi isu malar segar sekitar pintu masuk utama hospital awam tersebut.

"Jalan utama ke Hospital Bukit Mertajam itu sering kali menghadapi trafik sesak pada waktu puncak kerana bersebelahan dengan Sekolah Menengah



**MOHD. Noor Ahmad.**

Kebangsaan (SMK) Convent Bukit Mertajam.

"Salah satu sebab kenapa disegerakan projek Klinik Kesihatan Bandar Perda supaya Jabatan Pesakit Luar di klinik kesihatan tersebut dapat menyerap lambakan pesakit terutama di Jabatan Pesakit Luar Hospital Bukit Mertajam serta sekali gus mengurangkan tumpuan trafik di hospital awam tersebut.

"Pembinaan bangunan baharu Hospital Bukit Mertajam akan meningkatkan aliran trafik di hospital



**RUPA bentuk Hospital Bukit Mertajam kini.**

awam tersebut, maka, saya berharap pihak berwajib turut menyediakan sistem parkir bertingkat dalam projek cadangan ini demi mengurangkan risiko kesesakan trafik pada masa depan.

"Tahniah kepada JKNPP dan KKM atas cadangan projek 'tambahan' Hospital Bukit Mertajam ini, terima kasih juga kepada Exco Kesihatan (Zi Sen) yang turut berusaha memperbaiki mutu perkhidmatan kesihatan awam di 'hospital kerajaan' yang berusia kira-kira 130 tahun tersebut," ulasnya lanjut.




# Keluarga asnaf terima bantuan Skim Inapan Kasih ZPP

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**




DR. Mohamad Abdul Hamid (tiga dari kanan) menyerahkan kunci replika kepada Mohd. Faizal Ahmad (dua dari kanan) yang merupakan salah seorang penerima bantuan bina rumah di bawah Skim Inapan Kasih ZPP di sini baru-baru ini.

**PERMATANG BERANGAN –** Sebanyak empat keluarga asnaf dalam kawasan Seberang Perai Utara (SPU) menerima bantuan bina rumah di bawah Skim Inapan Kasih Zakat Pulau Pinang (ZPP).

Serahan kunci rumah kepada keempat-empat keluarga terbabit disempurnakan oleh Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Dr. Mohamad Abdul Hamid dalam majlis yang diadakan dekat kediaman masing-masing di sini pada 2 Disember 2024.

Bercakap kepada Buletin Mutiara, Mohamad menyatakan bahawa setiap rumah yang dibina baharu tersebut adalah berharga RM80,000 seunit yang dibiayai oleh ZPP.

"Kita serahkan kunci rumah secara rasmi kepada empat keluarga asnaf fakir miskin iaitu di Kampung Banggol, Permatang Kuang, Pantai Kamloon dan Pinang Tunggal.

"Semua rumah yang diserahkan ini adalah (rumah) yang dibina baharu di atas tanah milik penerima sendiri," katanya yang juga Exco Pembangunan Agama Islam, Pendidikan, Pengajian Tinggi dan Perpaduan Masyarakat ketika ditemui pada majlis berkaitan.

Turut hadir, Ketua Pegawai ZPP, Dato' Amran Hazali dan wakil-wakil masyarakat setempat.

Mohamad yang juga Yang Dipertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) memberitahu bahawa sebanyak 13 rumah telah dibina di bawah skim Inapan Kasih ZPP bagi tahun 2024.

"Selain bina baharu, kita juga berjaya membaik pulih sebanyak 60 rumah asnaf pada tahun ini.

"Terdapat juga kes-kes tertentu yang mana rumah asnaf tidak boleh dibina atau dibaik pulih dibantu melalui skim sewaan," ujarnya.

Salah seorang penerima, **MOHD. FAIZAL AHMAD** di Kampung Banggol dekat Pokok Sena ketika temui menzahirkan rasa syukur dan gembira atas penerimaan bantuan rumah baharu yang disumbangkan oleh ZPP.

"Ini adalah rumah pertama bagi saya, sebelum ini saya hanya menyewa rumah selama 15 tahun di Permatang Pauh.

"Dengan adanya rumah baharu ini, beban untuk saya menyediakan sebuah rumah yang selesa untuk keluarga sudah semakin berkurangan.

"Terima kasih kepada ZPP, MAINPP dan semua pihak yang telah membantu mengurangkan beban saya sekeluarga," katanya yang bekerja sebagai buruh binaan.

Seorang lagi penerima, **ROZIANA SAADIN** yang merupakan ibu tunggal bersyukur kerana kini beliau dan lima anak mempunyai tempat berteduh selepas lebih setahun suaminya meninggal dunia.

"Sebelum ini, kami menyewa di kuarters Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) tetapi selepas suami meninggal, kami kena keluar dari rumah tersebut.

"Selepas itu, kami menyewa rumah di Permatang Pak Maras dekat Penaga dengan sewa sebanyak RM400 sebulan.

"Memandangkan saya tidak bekerja dan perlu menyara lima anak termasuk seorang berstatus orang kurang upaya (OKU), nilai RM400 itu sangat besar kepada saya

"Sekarang, saya hanya bergantung sepenuhnya kepada pendapatan pencen yang ditinggalkan oleh suami," katanya.

Roziana berkata, dengan bantuan ayahnya, beliau kini berjaya memiliki rumah sendiri hasil sumbangan pihak ZPP.

"Terima kasih kepada ZPP kerana memberikan rumah ini untuk saya dan anak-anak berteduh," ulasnya lanjut.



REKA bentuk kediaman baru yang disumbangkan oleh ZPP.



ROZIANA Saadin (dua dari kanan) bersama-sama keluarganya merakam gambar kenangan di hadapan rumah baru mereka.

# Workshop Burung Hantu

## intai kejuaraan



*WBH Racing Team* dan barisan penaja.

**PUSINGAN** 10 dan akhir semusim perlumbaan *PETRONAS Malaysian Cub Prix 2024* baru sahaja melabuhkan tirai saingan pada 23 dan 24 November 2024.

Kawasan lapang serta tapak parkir Stadium Negeri Pulau Pinang dekat Batu Kawan dijadikan litar penentu bagi keseluruhan carta perlumbaan.

Bagi Kategori Pro-Am/Privateer, **MD. DANISH AIMAN ZAMRUN**, 19, yang menunggang motosikal nombor 60 berjaya berada pada kedudukan keempat terbaik dengan catatan masa 55.639 minit.

Sementara rakan sepasukan dari *WBH Racing Team*, **MUHAMAD ALAFF HAIRULNIZAN**, 24, yang menunggang motosikal nombor 21 gagal menamatkan perlumbaan (DNF) pusingan 10 tersebut.

Berdasarkan rekod perlumbaan pusingan 10, ia telah mengubah kedudukan kedua-dua pelumba berkenaan dalam carta keseluruhan bagi musim ini.

Md. Danish Aiman berada pada kedudukan kedua terbaik dalam keseluruhan carta semusim perlumbaan tahun 2024 dengan kurang satu mata sahaja berbanding juara Kategori Pro-Am/Privateer, Md. Aqid Jumali yang mendapat 111 mata.

Sementara Muhamad Alaff pula terpaksa berpuas hati dengan pencapaian, iaitu tempat keempat dalam keseluruhan carta semusim perlumbaan tahun ini.

Walau bagaimanapun kata Pengurus Pasukan *WBH Racing Team*, **YUSNILIRON MAT YATIM**, 49, beliau bersama-sama pasukan teknikal perlumbaan bagi musim ini berpuas hati dengan pencapaian kedua-dua pelumba berkenaan.

Malah, menurut beliau, bagi *WBH Racing Team* yang buat pertama kali menyertai perlumbaan *PETRONAS Malaysian Cub Prix 2024* mampu memburu kedudukan terbaik sejauh ini.

"Dalam pusingan 10, pasukan kami nyaris berada pada kedudukan pertama dan kedua terbaik dalam carta keseluruhan bagi musim ini, tetapi malangnya pelumba nombor 21 (iaitu Muhamad Alaff) jatuh di litar perlumbaan.

"Walau bagaimanapun, kita dapat juga nombor dua dalam perlumbaan pusingan 10 dan nombor empat dalam keseluruhan carta perlumbaan.

"Berhubung pencapaian sempena musim *PETRONAS Malaysian Cub Prix 2024* ini, kami amat berpuas hati kerana ini merupakan tahun pertama *Team WBH (WBH Racing Team)* menyertai perlumbaan bagi Kategori Pro-Am/Privateer.

"Saya tidak sangka *Team WBH (WBH Racing Team)* telah mengecapi pencapaian sejauh ini sebenarnya," jelasnya sambil menganggap ia sebagai kejayaan sepasukan.

Beliau memberi respons itu dalam sesi temu ramah susulan di bengkel motosikal Workshop Burung Hantu (WBH) dekat Lebuh Pekaka 4, Gelugor pada 13 Disember 2024.

Melihat ke depan, Yusniliron memberitahu bahawa beliau sedang membuat persiapan bagi memburu kejuaraan dalam musim *PETRONAS Malaysian Cub Prix 2025* yang dijadualkan bermula selepas bulan Ramadan, April ini.

"Untuk saingan musim *PETRONAS Malaysian Cub Prix 2025* yang akan bermula pada bulan April, kami sudah mula membuat penyelidikan berkaitan kejuruteraan bendalir, enjin dan sebagainya.



**MD. Danish Aiman Zamrun (kiri sekali) berada pada kedudukan kedua terbaik dalam keseluruhan carta semusim perlumbaan tahun 2024.**

"Pada bulan April 2025 akan mula pusingan pertama, tetapi kita belum tahu lagi acara pembuka tirai perlumbaan itu akan diadakan di mana.

"Dalam tiga bulan ini (sejak Disember 2024), *Team WBH (WBH Racing Team)* sedang kaji berkaitan enjin yang akan digunakan dalam perlumbaan nanti pada musim depan.

"'Kulit' badan motosikal akan kita tukar, reka bentuk bagi musim 2025 tak akan pakai seperti tahun 2024," ujarnya sambil mengharapkan penajaan daripada pihak berkepentingan.

Selain itu, beliau memberitahu bahawa pasukannya ketika ini sedang membuat siri saringan pelumba untuk menyertai musim *PETRONAS Malaysian Cub Prix 2025*.

"Persiapan lain, antaranya kita sedang mencari pelumba kerana Md. Danish Aiman tidak lagi boleh bersaing bagi Kategori Pro-Am/Privateer pada musim depan (tahun 2025), sebab beliau dah menang tempat kedua keseluruhan carta bagi kategori tersebut waktu musim saingan *PETRONAS Malaysian Cub Prix 2024*.

"Bagi pemenang tempat pertama dan kedua, memang peraturan menghalang pelumba untuk menyertai perlumbaan bagi kategori yang sama, mungkin kita akan aturkan untuk beliau mewakili pasukan lain bagi menyertai Kategori CP125 pada musim depan.

"Md. Danish Aiman masih dalam pasukan, macam minggu ini, beliau menyertai *Malaysian Superbike Championship* dekat Sepang (Selangor) untuk perlumbaan di litar juga.

*(Sambungan di muka 14).*

# Ladang moringa organik di Balik Pulau



**SHARIZAL Hashim ketika berada di makmal dan kilang memproses produk moringa jenama *Coriz Agriculture.***

**CORIZ** *Agriculture*, iaitu kilang pelbagai produk makanan berasaskan 'pokok ajaib', moringa di Balik Pulau merupakan antara tempat pilihan yang dilawati oleh Exco Agroteknologi & Keterjaminan Makanan dan Pembangunan Koperasi, **FAHMI ZAINOL** sempena berlangsungnya Program Jelajah Tani 2024 anjuran Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) pada 10 November 2024.

Fahmi yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Jerejak berkata bahawa industri desa yang dihasilkan oleh **SHARIZAL HASHIM** itu berkualiti serta mampu diketengahkan ke pasaran sejagat, kelak.

Baru-baru ini Buletin Mutiara berpeluang menemu ramah pengasas *CORIZ Agriculture* tersebut di Moringa House, No. 297, Mukim I, Kampung Perlis, 11000 Balik Pulau.

"Buat masa ini, kita ada ladang sendiri seluas empat ekar.

"Pada masa hadapan, memang ada perancangan untuk memperluas ladang penanaman 'pokok ajaib' ini dalam 10 hingga 20 ekar lagi.

"Paling penting, kita perlu periksa kandungan tanah yang hendak dijadikan ladang ini terlebih dahulu," jelasnya kepada wartawan Buletin Mutiara, **ZAINULFAQAR YAACOB** dan jurugambar, **MUHAMAD AMIR IRSYAD OMAR** di sini 14 November 2024.

Peladangan 'pokok ajaib' moringa dengan menghasilkan beberapa jenis produk makanan jenama *Coriz Agriculture* mula dilaksanakan sejak tahun 2017.

Sharizal memberitahu bahawa terdetik memulakan peladangan moringa di Balik Pulau, susulan pengalaman saudaranya melawat ladang seluas 200 ekar serta melihat kilang memproses produk di Kemboja.

"Selepas adik melawat Kemboja, beliau bawa balik produk untuk tujuan merawat mak kita dulu.

"Masih saya ingat, semasa itu mak kami sakit lutut, solat tidak boleh duduk seperti biasa dan terpaksa duduk atas bangku.

"Selepas makan produk import dari Kemboja itu, mak kami boleh kembali duduk antara dua sujud seperti biasa, setiap petang boleh mencakar rumput di halaman rumah seolah-olah tidak sakit lutut.

"Sejak itu, adik-beradik saya turut makan produk import dari Kemboja itu untuk tujuan meningkatkan daya kesihatan badan masing-masing.

"Apabila kita sedar kesan penyembuhan dari 'pokok ajaib' ini, saya terdetik membuat peladangan sendiri di Balik Pulau ini," jelasnya sambil memberitahu bahawa buat masa ini beliau memajak tanah untuk peladangan moringa secara organik.

Selepas tujuh tahun, Sharizal memberitahu bahawa beliau mengaku industri berkaitan telah mula membawa pulangan hasil.

"Kalau nak kira pulangan hasil, empat tahun pertama, memang tidak ada hasil.

"Ini kerana, empat tahun pertama, pelaburan modal menumpu pada aspek penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta kerja-kerja merawat tanah supaya benar-benar boleh menghasilkan moringa yang benar-benar berkualiti.

"Pengurusan merawat tanah ini begitu penting supaya kita boleh dapat hasil pokok moringa atau 'munggai' yang setanding dengan produk import.

"Hasil R&D dan kerja-kerja merawat tanah, produk yang dikeluarkan oleh *Coriz Agriculture* secara mata kasar adalah lebih bermutu dan lebih hijau, berbanding produk lokal yang lain," ujarnya.

Demi menjaga kualiti produk jenama *Coriz Agriculture*, Sharizal memberitahu bahawa proses memangkas daun pokok moringa di ladang dilaksanakan pada waktu terpilih, iaitu dari 7 pagi hingga 10 pagi sahaja.

